



# Komited capai negara maju berpendapatan tinggi

➔ Najib letak kepentingan rakyat lebih utama daripada diri sendiri

Oleh Veena Rusli, Nazura Ngah dan Hazwan Faisal Mohamad  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak komited membawa Malaysia ke fasa berikutnya, untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi, dengan meletakkan taraf hidup dan kualiti kehidupan rakyat sebagai keutamaan.

Menyifatkannya sebagai wawasan untuk Malaysia, Perdana Menteri berkata, perjuangan itu jauh lebih besar daripada dirinya sendiri.

“Malaysia sering membuktikan ia mampu mencapai prestasi lebih baik daripada jangkauan. Saya yakin dan percaya akan potensi besar kita sebagai sebuah negara.

“Dalam beberapa hari lagi, saya akan membentangkan Bajet 2018 dan inisiatif baharu serta beberapa pengumuman penting akan disampaikan untuk manfaat rakyat.

“Bajet ini akan terus dipacu oleh matlamat memperbetulkan masalah lalu dan menjadikan Malaysia lebih kuat, lebih berdaya saing di dalam dan luar negara.

“Kita mahu mewujudkan Malaysia yang dapat memberi perlindungan kepada mereka yang lemah dan bersifat adil kepada se-

mua. Malaysia yang mana tiada sesiapa akan ketinggalan,” katanya dalam entri bertajuk ‘Ke Arah Malaysia Yang Lebih Kuat dan Berdaya Saing’ menerusi blog najibraza.com, semalam.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan Program Transformasi Negara (NTP) sejak tujuh tahun lalu yang meletakkan kepentingan rakyat sebagai asas dan matlamat utama berjaya memacu pembangunan ekonomi negara untuk menuju negara berpendapatan tinggi.

Katanya, NTP dengan komponen utamanya Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah pelan tindakan perancangan ekonomi menyeluruh dengan petunjuk prestasi utama dan hasil yang boleh diukur supaya dapat menguji kemajuan dan memastikan terus berada di landasan yang tepat.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, menerusi NTP yang dilaksanakan sejak 2010, Pendapatan Negara Kasar meningkat hampir 50 peratus, sekali gus mengurangkan jurang sasaran pendapatan tinggi, daripada 33 peratus kepada 19 peratus.

## 2.26 juta peluang pekerjaan

Katanya, sebanyak 2.26 juta pekerjaan diwujudkan dan lebih satu juta daripadanya adalah pekerjaan berpendapatan tinggi.

“Sesetengah orang menggelarnya (NTP) ‘Najibnomics’ – bukan saya yang berikan nama tersebut! Tetapi saya boleh terima penggunaan istilah ini oleh orang ramai, kerana selepas tujuh tahun, kita dapat melihat bahawa rancangan ini yang meletakkan kepentingan rakyat Malaysia sebagai asas dan matlamat utamanya berjaya dilaksanakan dan akan terus dilak-



sana,” katanya.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan NTP juga menyaksikan eksport negara mencecah RM82.63 bilion pada Mac lalu, satu angka bulanan tertinggi bagi eksport Malaysia yang pernah direkodkan.

Di samping itu, katanya inflasi dan pengangguran kekal rendah.

“Oleh kerana dasar luar negara, kita berjaya menarik pelaburan langsung asing pada tahap yang belum pernah terjadi sebelum ini, yang menunjukkan keyakinan dunia terhadap Malaysia.

“Pada 2017 sahaja, kita melihat 14 memorandum persefahaman (MoU) perniagaan di antara Malaysia dan China bernilai RM144 bilion; 31 MoU perniagaan antara Malaysia dan India bernilai RM158.4 bilion; serta pelaburan AS\$7 bilion (RM29.63 bilion) di Malaysia oleh Saudi Aramco.

“Ini membawa bersamanya beribu-ribu pekerjaan baharu, pemindahan kemahiran dan peningkatan taraf hidup untuk keluarga yang tidak terhitung jumlahnya,” katanya.

Mengulas lanjut, Najib berkata, meskipun terdapat kegawatan besar dalam ekonomi global dengan kejutan kejatuhan harga minyak

dan kemelesetan melanda kebanyakan negara Eropah yang hampir memusnahkan beberapa negara, Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang sihat, tahun demi tahun.

Beliau berkata, baru-baru ini Bank Dunia menyemak semula ramalan mereka untuk pertumbuhan Malaysia kepada 5.2 peratus untuk tahun 2017, kali kedua mereka melakukannya tahun ini.

“Ini sebahagian daripada kejayaan utama kerajaan dan berjuta-juta rakyat Malaysia yang bekerja keras di bawah rancangan yang kita rencanakan pada 2010. Tetapi banyak lagi langkah lebih spesifik diambil kerajaan untuk memperbaiki standard dan membantu rakyat,” katanya.

## Perkenal pelan pendidikan

Perdana Menteri berkata, antara usaha kerajaan dalam memperbaiki standard dan membantu rakyat ialah memperkenalkan pelan pendidikan untuk sekolah dan universiti yang menyaksikan kedudukan universiti di peringkat antarabangsa mula meningkat, di samping meningkatkan jaringan pengangkutan jalan raya.

Bagaimanapun, katanya aspek lain pengangkutan awam diabaikan seorang pemimpin dahulu apabila membazirkan berbilion ringgit dalam projek “vanity” dan bukannya membina infrastruktur kelas dunia yang diperlukan oleh Malaysia untuk menarik pelabur mahupun untuk kesejahteraan rakyat.

“Di bawah kerajaan saya, fasa pertama projek Mass Rapid Transit (MRT) siap pada akhir tahun lepas dan fasa kedua Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang dilancarkan pada Julai. Kini, kita mempunyai rang-

kain perkhidmatan sepanjang 51 kilometer dengan 31 stesen.

“Projek ini mencipta 130,000 pekerjaan baharu, di mana 70,000 adalah pekerjaan langsung. Lebih mengagumkan lagi, projek ini siap lebih awal daripada jadual dengan penjimatan sebanyak RM2 bilion,” katanya.

Najib berkata, tumpuan bukan sekadar kawasan Lembah Klang atau pantai barat saja, sebaliknya juga kepada kawasan lain yang diabaikan terlalu lama seperti Kelantan, yang pernah dianaktirikan dan disekat dana pembangunan serta tidak dinaikkan taraf infrastruktur air selama beberapa dekad oleh bekas pemimpin.

Katanya, tindakan itu tidak adil kerana air bersih adalah penting untuk kehidupan dan adalah hak rakyat.

“Oleh itu, kita membantu Kelantan dengan perjanjian penstrukturan semula air tahun lalu yang akan menelan belanja lebih RM1 bilion. Rakyat Kelantan juga menderita akibat hubungan pengangkutan yang teruk, ramai terpaksa menempuh perjalanan kereta perlahan, sesak dan berbahaya ketika perjalanan antara negeri.

“Bagi menanganinya, kerajaan membina Lebuhraya Central Spine Road bebas tol bagi menghubungkan Kelantan dengan seluruh Semenanjung, manakala fasa tiga Lebuhraya Pantai Timur akan dilanjutkan ke Kelantan.

“Projek Laluan Keretapi Pantai Timur (ECRL) akan menjadi satu lagi ‘game-changer’ untuk negeri di Pantai Timur,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, Lebuhraya Pan Borneo pula akan menjadi pemacu utama bagi pembangunan dan perhubungan di Malaysia Timur.